

INKORPORASI DIVIN-INSANI

Mesej Sebelas

Inkorporasi Divin-insani bagi Tuhan yang Terkonsumasi dengan Percayawan yang Dilahirukan— Hasil daripada Kristus Dimuliakan oleh Bapa dengan Kemuliaan Divin

Bacaan Bible: Luk. 12:49-50; Yoh. 12:23-24;
14:2, 10-11, 17, 20-21, 23; 15:1-8, 16; 16:13-16; Wahi 21:3, 22

- I. Kita harus melihat bahawa dalam seluruh alam semesta, hanya satu perkara yang diinginkan Tuhan, iaitu inkorporasi universal diri-Nya sebagai Tuhan yang terkonsumasi dengan percayawan yang dilahirukan—Yoh. 14:10-11, 20; 17:21, 23; 14:23; Wahi 21:3, 22:**
- A. Hubungan percayawan dengan Tuan dihuraikan dengan perkataan *penyatuan*, *pembauran*, dan *inkorporasi*; *penyatuan* berkenaan dengan kesatuan kita dalam hayat dengan Tuan, *pembauran* berkaitan dengan sifat divin dan insani, dan *inkorporasi* ialah persona menghuni satu sama lain secara dalaman, yakni saling menghuni—Yoh. 15:4-5; 2 Ptr. 1:4; Yoh. 14:20.
 - B. Tiga daripada Triniti Divin ialah satu inkorporasi dari keabadian dalam apanya Mereka dan dalam apa yang dilakukan oleh Mereka—ay. 10:
 1. Tiga daripada Triniti Divin menjadi satu inkorporasi dengan saling menghuni—“Aku berada dalam Bapa dan Bapa berada dalam Aku”—ay. 10a, 11a.
 2. Tiga daripada Triniti Divin ialah satu inkorporasi dengan bekerja bersama-sama dalam kesatuan—“Kata-kata yang Aku ucapkan kepadamu tidak Kubicarakan daripada diri-Ku, tetapi Bapa yang tinggal dalam Aku melakukan kerja-kerja-Nya” (ay. 10b); “percayalah kerana kerja-kerja itu sendiri” (ay. 11b).
 - C. Kisah 2:23 menunjukkan bahawa inkorporasi divin yang universal ini, iaitu tiga daripada Triniti Divin, telah mengadakan majlis perundingan dalam keabadian dan bersetuju untuk mengutus yang kedua daripada Triniti Divin ke dalam masa untuk menjadi manusia bagi melaksanakan ekonomi divin Tuhan—1 Ptr. 1:20; Mi. 5:2; bd. Kej. 1:26.
 - D. Sebelum inkarnasi, inkorporasi universal ini terdiri daripada tiga pihak; kemandian yang kedua daripada Triniti Divin membawa inkorporasi universal ini ke dalam keinsanan—Yoh. 14:10-11.
 - E. Tiga dalam Triniti Divin ini sudah berinkorporasi dalam keabadian lampau; Dia yang berinkorporasi ini masuk ke dalam masa untuk menginkorporasikan semua orang yang dipilih-Nya ke dalam inkorporasi-Nya untuk menghasilkan inkorporasi universal yang agung, iaitu inkorporasi divin-insani bagi Tuhan yang terkonsumasi dengan percayawan yang dilahirukan—17:21.
 - F. Yohanes 14:20 mewahikan bahawa Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi dan percayawan yang dilahirukan telah menjadi satu inkorporasi dalam kebangkitan Kristus:
 1. “Pada hari itu”—pada hari kebangkitan Anak.
 2. “Kamu akan tahu bahawa Aku berada dalam Bapa-Ku” (Anak dan Bapa berinkorporasi menjadi satu), “kamu dalam Aku” (percayawan yang dilahirukan diinkorporasikan ke dalam Anak dan juga diinkorporasikan ke dalam Bapa dalam Anak), “dan Aku dalam kamu” (Anak dalam Bapa diinkorporasikan ke dalam percayawan yang dilahirukan).

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Sebelas (sambungan)

3. *Dalam* bagi Roh realiti di ayat 17 (“Roh realiti...tinggal bersama denganmu dan akan berada dalam kamu”) ialah totaliti bagi ketiga-tiga *dalam* di ayat 20.

II. Pembebasan kemuliaan kedivinan Kristus merupakan perihal Dia dimuliakan oleh Bapa dengan kemuliaan divin (12:23-24) dalam kebangkitan-Nya menerusi kematian-Nya (Luk. 24:26); pembebasan kemuliaan kedivinan-Nya berserta hayat divin-Nya adalah untuk melemparkan api ke bumi (12:49-50):

- A. Kemuliaan kedivinan Kristus tersembunyi dalam-Nya seperti dalam sebiji gandum; keinsanan-Nya yang dikenakan-Nya menerusi inkarnasi-Nya menjadi cangkerang untuk menyembunyikan kemuliaan kedivinan-Nya serta hayat divin-Nya—Yoh. 12:23-24.
- B. Tuan tertekan dan terkekang, ingin sekali dibaptis dengan baptisan kematian-Nya supaya kemuliaan kedivinan-Nya berserta hayat divin-Nya dapat dibebaskan menerusi pemecahan cangkerang keinsanan-Nya—Luk. 12:49-50; Yoh. 12:23-24:
 1. Dia merupakan biji gandum unik yang mengandungi hayat divin-Nya berserta kemuliaan divin-Nya; apabila cangkerang keinsanan-Nya dipecahkan menerusi penyaliban-Nya, segala elemen kedivinan-Nya—h hayat divin-Nya dan kemuliaan divin-Nya—dibebaskan serentak.
 2. Diri divin-Nya yang tidak terhad dan tidak terbatas itu berserta hayat divin-Nya, setelah dibebaskan menerusi kematian fizikal-Nya, menjadi daya gerak hayat rohani percayawan dalam kebangkitan.
- C. Pembebasan kemuliaan kedivinan Kristus merupakan perihal Dia dimuliakan oleh Bapa dengan kemuliaan divin dalam kebangkitan-Nya menerusi kematian-Nya; dalam kehidupan insani-Nya, Kristus berdoa agar Bapa-Nya memuliakan-Nya, dan Bapa mengabulkan doa-Nya—17:1; Kis. 3:13; Luk. 24:26.
- D. Pemuliaan sedemikian memindahkan Kristus dari tahap inkarnasi ke dalam tahap inklusi; dalam tahap inklusi ini, Dia sebagai Adam terakhir telah menjadi Roh beri-hayat yang almuhit dalam kebangkitan—Yoh. 1:14; 1 Kor. 15:45b; Flp. 1:19.
- E. Menerusi pemuliaan-Nya dalam kebangkitan-Nya, Kristus menjadi Anak sulung Tuhan, memiliki kedivinan dan juga keinsanan (Kis. 13:33; Roma 8:29); Dia menjadi Roh beri-hayat, yakni Kristus pneumatik (1 Kor. 15:45b; Yoh. 20:22); dan Dia melahirukan semua percayawan-Nya supaya mereka menjadi anak-anak Tuhan, spesies Tuhan (1 Ptr. 1:3).

III. Hasil daripada Kristus dimuliakan, yakni kebangkitan-Nya, ialah inkorporasi seluruh umat yang dipilih, ditebus, dan dilahirukan Tuhan dengan diri-Nya dalam tiga aspek—rumah Bapa, pohon anggur Anak, dan anak Roh itu:

- A. Aspek pertama bagi inkorporasi Tuhan yang terkonsumasi dengan percayawan yang dilahirukan dalam kebangkitan ialah rumah Bapa, ditamsilkan oleh bait—Yoh. 14:2; 2:16-21; 1 Tim. 3:15:
 1. Rumah Bapa ialah inkorporasi divin dan insani bagi Tuhan yang terproses dan terkonsumasi, dikonstitusikan dengan umat pilihan-Nya yang ditebus, dilahirukan, dan ditransform; semua percayawan dalam Kristus yang ditebus menerusi darah-Nya, dilahirukan oleh Roh-Nya dengan hayat-Nya, dan ditransform oleh Roh beri-hayat dengan elemen divin, ialah “tempat tinggal” dalam rumah Bapa—Yoh. 14:2, 23.
 2. Rumah Bapa dibina melalui Bapa dan Anak bersama dengan Roh itu, yang menghuni umat pilihan yang ditebus secara dalaman, sentiasa mengunjungi

INKORPORASI DIVIN-INSANI

Mesej Sebelas (sambungan)

umat pilihan yang ditebus untuk menjadi tempat saling huni bagi Tuhan Tritunggal yang terkonsumasi dengan umat pilihan-Nya yang ditebus.

- B. Aspek kedua bagi inkorporasi Tuhan yang terkonsumasi dengan percayawan yang dilahirukan dalam kebangkitan ialah pohon anggur benar Anak—15:1-8, 16:
1. Pohon anggur benar sebagai tanda bagi Kristus almuhit ialah organisma Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi.
 2. Ranting-rantingnya ialah percayawan Kristus, yang merupakan ranting pohon zaitun liar yang semula jadi, dan telah dicantum ke dalam pohon zaitun yang ditanam (Roma 11:17, 24) menerusi kepercayaan mereka ke dalam Kristus (Yoh. 3:15); kedua-dua pohon zaitun yang ditanam dan pohon anggur benar menandakan Kristus; oleh itu, dicantum ke dalam pohon zaitun yang ditanam bererti dicantum ke dalam Kristus.
 3. Ranting-rantingnya yang dicantum itu telah dilahirukan dengan hayat divin, dibawa ke dalam penyatuhan hayat dengan Kristus yang bangkit, dan diinkorporasikan dengan Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi.
- C. Aspek ketiga bagi inkorporasi Tuhan yang terkonsumasi dengan percayawan yang dilahirukan dalam kebangkitan ialah anak baru Roh itu—16:13-16, 19-22:
1. Anak baru, manusia baru, dilahirkan oleh Roh yang terkonsumasi dalam kebangkitan; anak baru ini, manusia baru, dicipta oleh Kristus di atas salib dengan membatalkan dalam tubuh daging-Nya hukum perintah dalam ordinan —ay. 21, 13-15; Ef. 2:15.
 2. Anak baru ini, manusia baru, dilahirukan oleh Bapa bersama dengan Kristus yang bangkit dalam kebangkitan-Nya dan dilahirkan oleh Roh itu dalam roh percayawan—1 Ptr. 1:3; Roma 1:4; Yoh. 3:6b.
 3. Kumpulan percayawan Kristus yang pertama, yang menderita disebabkan pemergian Kristus menerusi kematian-Nya, ialah perempuan yang bersalin, dan Kristus yang kembali dalam kebangkitan ialah anak yang baru dilahirkan untuk menjadi manusia baru—16:20-22; Kol. 3:10-11.
 4. Manusia baru dipakai oleh percayawan menerusi pembaruan dalam roh minda mereka untuk mengkonsumasikan Tubuh Kristus—Ef. 4:23-24.

IV. Tinggal dalam Kristus, mengambil Dia sebagai tempat huni kita, dan membenarkan Dia tinggal dalam kita, mengambil kita sebagai tempat huni-Nya, bererti hidup dalam realiti inkorporasi universal bagi Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi dengan percayawan yang ditebus dan dilahirukan—Yoh. 14:2, 10-11, 17, 20, 23:

- A. Tinggal dalam Kristus supaya Dia dapat tinggal dalam kita bererti menjalani kehidupan kita dalam Kristus, mengambil Dia sebagai segala-gala bagi kita; mengambil Dia sebagai kediaman kita, tempat huni abadi kita, ialah pengalaman yang paling tinggi dan paling penuh terhadap Kristus—Mzm. 90:1; 91:1, 9; Yoh. 15:4-5; Wahi 21:22.
- B. Kita tinggal dalam Kristus supaya Dia dapat tinggal dalam kita, melalui kita mengasihi-Nya—Yoh. 14:21, 23:
1. Dengan mengasihi Tuan dengan kasih pertama, kita memberi Dia tempat pertama dalam segala sesuatu, dan kita diinkorporasikan ke dalam Tuhan Tritunggal untuk menjadi tempat huni-Nya—Wahi 2:4-5; Kol. 1:18b; Yoh. 14:21, 23; Ef. 3:16-17; bd. Mzm. 27:4.
 2. Apabila kita mengasihi Tuan Yesus, Dia memanifestasikan diri-Nya kepada kita, dan Bapa datang bersama dengan-Nya untuk membuat tempat tinggal

GARIS KASAR LATIHAN

Mesej Sebelas (sambungan)

bersama dengan kita agar menjadi kenikmatan kita; tempat tinggal ini ialah tempat saling tinggal, iaitu Tuhan Tritunggal tinggal dalam kita dan kita tinggal dalam-Nya—Yoh. 14:23.

3. Semakin kita mengasihi Tuan, semakin kita akan mempunyai hadirat-Nya, dan semakin kita berada dalam hadirat-Nya, semakin kita akan menikmati segala apanya Dia kepada kita; pemulihan Tuan merupakan pemulihan kasih terhadap Tuan Yesus—1 Kor. 2:9-10; Ef. 6:24.
- C. Kita tinggal dalam Kristus agar Dia dapat tinggal dalam kita, melalui kita menghubungi sabda sepanjang masa dalam Bible di luar kita, serta sabda semasa yang merupakan Roh itu di dalam kita—Yoh. 5:39-40; 6:63; 2 Kor. 3:6; Wahi 2:7:
 1. Melalui sabda tertulis di luar, kita mempunyai penjelasan, definisi, dan ungkapan bagi Tuan yang penuh misteri, dan melalui sabda hidup di dalam, kita mempunyai pengalaman terhadap Kristus yang huni secara dalaman dan hadirat Tuan yang praktikal—Ef. 5:26; 6:17-18.
 2. Jika kita tinggal dalam sabda Tuan yang sepanjang masa dan tertulis, maka sabda-Nya yang ketika itu dan hidup akan tinggal dalam kita—Yoh. 8:31; 15:7; 1 Yoh. 2:14.
 3. Dengan cara ini, kita berakar ke bawah ke dalam Kristus sebagai tanah kita dan berbuah ke atas agar Bapa dimuliakan—2 Raj. 19:30; Yes. 37:31; Yoh. 15:7-8.
 4. Kita tinggal dalam Dia dan sabda-Nya tinggal dalam kita agar kita dapat berbicara dalam Dia dan Dia dapat berbicara dalam kita demi pembinaan Tuhan ke dalam manusia dan manusia ke dalam Tuhan—ay. 7; 2 Kor. 2:17; 13:3; 1 Kor. 14:4b.
 5. Setiap pagi kita perlu dikuduskan dengan menyentuh Sabda dan membennarkan Roh itu menyentuh kita supaya kita berpindah keluar dari diri sendiri, tempat penginapan lama kita, dan masuk ke dalam Tuhan Tritunggal, tempat penginapan baru kita, tempat kesatuan saling menghuni bagi Tuhan Tritunggal—Yoh. 17:17, 21; Ef. 5:26.
- V. **Yerusalem Baru ialah inkorporasi muktamad bagi Tuhan Tritunggal yang terproses dan terkonsumasi dengan gereja tripartit yang dilahirukan, dikuduskan, diperbarui, ditransform, dikonform, dan dimuliakan—Wahi 21:3, 22:**
 - A. Yerusalem baru ialah persona yang korporat, Tuhan-manusia korporat yang agung; persona korporat ini ialah satu pasangan—Tuhan Tritunggal terproses berkahwin dengan manusia tripartit yang ditransform; inilah Roh itu dan pengantin perempuan yang disatukan, dibaurkan, dan diinkorporasikan bersama-sama menjadi satu entiti—22:17a.
 - B. Tuhan itu tiga—Bapa, Anak, dan Roh—satu persona yang korporat; kita, iaitu jutaan percayawan, juga ialah persona yang korporat; kedua-dua persona ini kini berada dalam satu sama lain—Yoh. 14:20-21; 15:5; 1 Yoh. 4:15-16.
 - C. Kita ialah tabernakal Tuhan yang menjadi tempat huni Tuhan, dan Tuhan ialah bait kita yang menjadi tempat huni kita—tempat saling tinggal bagi Tuhan dan manusia—Wahi 21:2-3, 22:23; Mzm. 90:1; 27:4; Ul. 33:27.
 - D. Yerusalem Baru ialah tabernakal Tuhan, dan pusat tabernakal ialah Kristus yang merupakan manna tersembunyi; cara untuk diinkorporasikan ke dalam inkorporasi divin-insani yang universal ini, tempat saling tinggal bagi Tuhan dan

INKORPORASI DIVIN-INSANI

Mesej Sebelas (sambungan)

manusia, ialah memakan Kristus sebagai manna yang tersembunyi—Wahi 21:3; Kel. 16:32-34; Ibr. 9:4; Wahi 2:17:

1. Kristus sebagai manna yang tersembunyi berada dalam Tuhan Bapa sebagai bekas emas; Bapa berada dalam Kristus sebagai Tabut (yang memiliki dua sifat-Nya, iaitu kedivinan dan keinsanan); dan Kristus sebagai Roh yang huni secara dalaman ini hidup dalam roh kita yang dilahirukan untuk menjadi realiti Tempat Maha Kudus—ini bermakna bahawa Anak berada dalam Bapa, Bapa berada dalam Anak, dan Anak sebagai Roh itu ialah realiti Tempat Maha Kudus.
2. Kita tidak harus digabungkan dengan dunia—kita harus diinkorporasikan ke dalam Yerusalem Baru dengan makan Kristus sebagai manna tersembunyi; apabila kita makan Dia, kita hidup melalui Dia dalam inkorporasi agung ini; hari ini, inkorporasi ini ialah Tubuh Kristus yang korporat dan akhirnya akan mengkonsumasikan Yerusalem Baru.
3. Kota kudus, Yerusalem Baru, ialah matlamat ekonomi abadi Tuhan; Tuhan yang unik akhirnya diperbesar menjadi satu kota untuk pembesaran abadi dan ekspresi abadi-Nya, yakni inkorporasi universal divin-insani yang agung.